

Artikel

Kitaran Kemiskinan dan Gengsterisme dalam Masyarakat India: Kajian di Kawasan Lembah Klang
(*The Cycle of Poverty and Gangsterism in Indian Society: A Study in the Klang Valley*)

Wayandiana Abdullah*, Mohamad Fauzi Sukimi & Zanisah Man

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: wayandiana@hotmail.com

Diserah: 21 September 2024

Diterima: 21 November 2024

Abstrak: Gengsterisme dalam kalangan orang India amat membimbangkan kerana banyak terlibat dalam pelbagai jenayah seperti rompakan bersenjata, samun secara berkumpulan, pembunuhan, pengedaran dadah, ugutan, perculikan dan lain-lain. Walaupun, banyak kajian telah dijalankan mengenai isu gengsterisme, tetapi sangat sedikit kajian yang benar-benar meneroka isu ini di Malaysia. Kekurangan ini disebabkan ahli kumpulan gengster itu sendiri yang tidak mahu tampil untuk berkongsi pengalaman mereka atas faktor keselamatan. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menghuraikan penglibatan orang India dalam kegiatan gengsterisme dalam konteks kitaran kemiskinan di Lembah Klang. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan jenis kajian naratif bagi meneroka pengalaman yang dilalui oleh ahli dalam kumpulan gengster. Kaedah temu bual mendalam telah dijalankan ke atas dua orang ahli yang dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan, yang mana mereka mempunyai kedudukan paling tinggi dalam kumpulan gengster. Hasil kajian mendapati penglibatan orang India dalam kumpulan gengster adalah disebabkan oleh terbelenggu dalam kitaran kemiskinan. Orang India yang berpendapatan rendah, tidak mendapat pendidikan tinggi, hidup di kejiranan miskin dan pengaruh keluarga lebih cenderung terlibat dalam kumpulan gengster untuk mencapai kemewahan. Justeru itu, masalah penglibatan orang India dalam kegiatan gengsterisme perlu dikawal bagi mengelak stigma masyarakat dengan pelbagai mekanisme yang bersesuaian supaya kaum ini tidak dilabel dan dikaitkan dengan gengsterisme. Oleh itu, implikasi kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pelbagai pihak khususnya Polis Diraja Malaysia dalam merangka dan menggubal dasar yang bersesuaian bagi menangani gejala gengsterisme ini.

Kata kunci: Jenayah, gengsterisme; Orang India; kemiskinan; kumpulan gengster

Abstract: Gangsterism among Indians is very worrying because many are involved in various crimes such as armed robbery, gang robbery, murder, drug trafficking, intimidation, kidnapping, and others. Although many studies have been conducted on the issue of gangsterism, very little research has really explored this issue in Malaysia. This lack is due to the members of the gangsters themselves, who do not want to come forward to share their experiences for security reasons. Thus, the purpose of this study is to explain how Indians participate in gangsterism within the framework of the Klang Valley's poverty cycle. The experiences of gangster group members have been investigated in this study through qualitative techniques and narrative research. Two individuals who held the highest positions in the gangster group and were chosen by purposive sampling were subjected to the in-depth interview procedure. According to the study's findings, Indians who are caught in a cycle of poverty are more likely to get involved with gangster groups. Indians who live in impoverished districts, have low wages, lack higher education, and are influenced by their families are more

prone to join mafia groups in an attempt to become wealthy. Therefore, the problem of the involvement of Indians in gangsterism needs to be controlled to avoid the stigma of society with various appropriate mechanisms so that this race is not labelled and associated with gangsterism. Thus, the study's implications can serve as a reference for different parties, particularly the Royal Malaysian Police, in developing and implementing suitable policies to combat gangsterism.

Keywords: Crime, gangsterism, Indians, poverty, gangsters

Pengenalan

Penglibatan orang India dalam kumpulan gengster bermula tahun 1960 an apabila menyertai kumpulan gengster Cina (PDRM t.th). Selepas itu, ramai orang India yang menubuhkan kumpulan gengster sendiri selepas berbeza ideologi dengan kumpulan gengster Cina. Secara umumnya jenayah tidak mewakili kaum tertentu malah di Malaysia jenayah dilakukan oleh pelbagai kaum dan bangsa. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan lebih 70% ahli kongsi gelap terdiri daripada kaum India sungguhpun Malaysia hanya mempunyai 7.1% populasi India, manakala 70% banduan di seluruh negara ialah kaum India. Berdasarkan statistik PDRM itu juga, sebanyak 38 daripada 49 kumpulan kongsi gelap dalam negara ini terdiri daripada orang India, di mana kebanyakannya ahli mereka berusia 20 hingga 30 tahun (Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2017). Justeru aktiviti gengsterisme yang meningkat sejak tahun 2013 antaranya kes pembunuhan bermotif geng, rompakan bersenjata, pergaduhan geng dan jenayah berkaitan dadah, telah mendorong peningkatan tindakan proaktif dan reaktif yang serius terhadap kumpulan-kumpulan haram ini. Liputan berita rasmi dan media sosial menggambarkan bahawa tindakan gengsterisme di Malaysia lebih produktif dan lebih ganas daripada sebelumnya terutama sangat membimbangkan dalam kalangan belia India.

Gengsterisme adalah ancaman semasa terhadap kesejahteraan golongan muda di seluruh dunia. Fenomena sosial gengsterisme telah menunjukkan peningkatan kadar vandalisme, jenayah ugutan dan penagihan dadah dalam kalangan remaja yang seterusnya boleh menjadi sebahagian jenayah terancang jika tidak dibendung. Walaupun, banyak kajian telah dijalankan mengenai isu gengsterisme, tetapi sangat sedikit kajian yang benar-benar meneroka isu gengsterisme dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Kekurangan ini disebabkan ahli kumpulan gengster itu sendiri yang tidak mahu tampil untuk berkongsi pengalaman mereka atas faktor keselamatan. Menurut Pelan Tindakan Masyarakat India (2017), akibat terpinggir di bandar besar, tidak berpendidikan dan terabai menyebabkan sebilangan orang India terlibat dalam masalah sosial antaranya adalah gengsterisme (Jabatan Perdana Menteri, 2017). Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menghuraikan penglibatan orang India dalam kegiatan gengsterisme dalam konteks kitaran kemiskinan di Lembah Klang dari sudut pandang ketua kumpulan gengster yang telah lama terlibat dalam gengsterisme.

Sorotan Literatur

Sehingga kini, bilangan belia yang mengambil bahagian dalam gengsterisme berada pada tahap yang membimbangkan. Walaupun, banyak kajian telah dijalankan di negara Barat mengenai gengsterisme, tetapi sangat sedikit kajian yang benar-benar meneroka isu ini di Malaysia. Kekurangan ini disebabkan kerentenan sekumpulan masyarakat yang tidak mahu tampil untuk berkongsi pengalaman mereka. Kajian oleh Nataraja et al. (2019) mendapati pengedaran dadah adalah punca utama kepada gejala gengsterisme. Tambahan pula, latar belakang keluarga dan keadaan persekitaran memainkan peranan penting dalam pembentukan samseng dan gengsterisme di Malaysia. Kajian oleh Shankar et al. (2019) mendapati tiga faktor demografi, iaitu umur, jantina dan tahap pendidikan, empat faktor sosiologi iaitu, gaya keibubapaan yang lemah, pengaruh ahli keluarga yang merupakan ahli kongsi gelap, budaya di kawasan persekitaran dan masalah kewangan yang boleh mendorong penglibatan ramaja dalam gengsterisme. Selain itu, terdapat dua faktor lain iaitu, kuasa sosial dan keinginan merasa gaya hidup gengster.

Kajian oleh MnCube dan Madikizela-Madiya (2014) mendapati bahawa pengurusan dan organisasi sekolah yang lemah adalah punca utama keganasan berlaku di sekolah. Khususnya, kekurangan kawalan keselamatan yang mencukupi di sekolah telah menjadi punca keganasan berlaku di sekolah. Secara ringkasnya, gengsterisme dianggap sebagai punca utama keganasan di sekolah-sekolah di Afrika Selatan. Jeevan dan Samsudin (2020) mengkaji masalah gengsterisme dalam kalangan belia India di Butterworth, Pulau Pinang. Kajian menunjukkan terdapat tujuh faktor utama yang menyebabkan belia India terlibat dalam gengsterisme di Butterwoth. Faktor yang dikenal pasti ialah kegagalan ibu bapa dalam mengawal anak, sikap individu, pengaruh rakan sebaya dan individu, persekitaran hidup, tekanan kewangan, desakan dan kesusahan, serta pemahaman dan kepatuhan yang lemah terhadap ajaran agama. Terdapat empat langkah proaktif yang boleh dilaksanakan untuk membendung gengsterisme dalam kalangan belia India di Butterworth. Antara pendekatan yang sesuai untuk memerangi gengsterisme ialah peranan ibu bapa, peranan penguatkuasa undang-undang, peranan institusi agama dan peranan kerajaan. Kajian Mohd Fuad dan Junaidi (2012) mendapati pihak berkuasa tidak menyediakan aktiviti yang berfaedah kepada belia di Muar menyebabkan ada dalam kalangan belia terus terjebak dengan gejala yang tidak diingini seperti menghidu gam dan ketagihan dadah, minum arak, ponteng sekolah, merokok, berjudi, merempit, melepak, pergaulan bebas, menganggur, bergaduh/gengsterisme, mencuri/pecah rumah dan vandalisme.

Seterusnya, kajian oleh Sreetharan et al. (2021) tentang sosioekonomi keluarga sebagai faktor pendorong gejala gengsterisme murid India di sekolah menengah. Dapatkan kajian menunjukkan taraf sosioekonomi keluarga menjadi faktor pendorong kepada gejala gengsterisme dalam kalangan murid India di Sekolah Menengah. Selain itu, Veera et al. (2021) mendapati keluarga mempunyai pengaruh langsung terhadap belia India terlibat dalam gengsterisme. Zaman kanak-kanak dan latar belakang zaman kanak-kanak dan keluarga mereka, hubungan keluarga semasa mereka, dan hubungan antara latar belakang atau ciri keluarga merupakan faktor utama. Kegagalan menyampaikan komunikasi yang baik dan struktur keluarga yang konkrit dapat meningkatkan nisbah golongan muda yang terlibat dalam budaya gengster. Data untuk kajian ini dikumpul daripada belia India yang telah menjadi ahli kumpulan dan mengamalkan budaya gengster.

Seterusnya Mohd Mizan dan Gerald (2022) mengkaji pengaruh jenayah seperti gengsterisme, penculikan dan keganasan terhadap keselamatan Malaysia pada era pasca pandemik. Kajian ini juga meneroka bagaimana isu xenofobia dan kemungkinan demonstrasi awam berlatarbelakangkan Pilihan Raya Umum (PRU15) yang boleh membawa kepada isu keselamatan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat trend peningkatan jenayah kerana pergerakan tidak lagi disebat dan faktor yang mempengaruhi ekonomi telah menjadi pendorong kepada penjenayah.

Berdasarkan kajian lepas, banyak pengkaji telah mengkaji berkaitan faktor-faktor penglibatan belia India dalam gengsterisme. Namun begitu, pengkaji-pengkaji lepas hanya mendeskripsikan secara ontologikal faktor-faktor yang mendorong penglibatan dalam gengsterisme tanpa menghuraikan secara langsung dengan konsep atau teori, misalnya teori kitaran kemiskinan. Konsep "kitaran kemiskinan" dikemukakan oleh Oscar Lewis pada tahun 1950-an dan 1960-an. Dalam kajianinya, Lewis (masukkan tahun) menawarkan idea bahawa kemiskinan cenderung bertahan merentasi generasi kerana terdapat satu set nilai, norma dan sikap budaya yang tersulam di dalam kehidupan mereka. Penyesuaian hidup akibat kemiskinan ini disebut sebagai budaya kemiskinan (Eames & Goode, 1970). Dalam lain perkataan, kemiskinan bukan hanya dapat dikaitkan dengan rendahnya akses pendidikan, rendahnya peluang pekerjaan, pendapatan rendah, akses kemudahan kesihatan yang rendah, pola pemakanan yang buruk, keadaan perumahan yang tidak kondusif, kekurangan modal sosial tetapi juga berkaitan dengan nilai dan sikap yang menyukarkan seseorang untuk meningkatkan status sosio ekonominya.

Dalam konteks kehidupan orang India di Malaysia, proses pembangunan telah menyebabkan mereka berpindah dari kawasan luar bandar ke bandar. Perubahan tersebut tidak menjamin perubahan dalam konteks kemiskinan. Kemiskinan yang dialami keluarga diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain yang menyebabkan mereka sukar untuk mendapat peluang pendidikan dan pekerjaan yang baik. Hal ini misalnya dapat dilihat berdasarkan kadar putus sekolah dalam kalangan pelajar India di Kuala Kedah (Th

Subra et al., 2019. Sehubungan dengan itu, timbul persoalan apakah kebanyakan orang India masih berada dalam kitaran kemiskinan sehingga mendorong mereka untuk menyertai kumpulan gengster?

Metodologi

Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan jenis penyelidikan ialah pendekatan naratif. Sampel kajian ini ialah dua orang ahli yang mempunyai kedudukan paling tinggi dalam kumpulan gengster yang telah dipilih menggunakan pensampelan bertujuan. Pengkaji menggunakan pendekatan naratif bagi meneroka pengalaman yang dilalui oleh kedua-dua informan ini sepanjang terlibat dalam kumpulan gengster. Menurut Cresswell (2014) prosedur untuk mengimplementasikan pendekatan naratif ini ialah dengan mengumpul data berdasarkan penceritaan satu atau dua orang berkenaan pengalaman yang telah dilalui. Penelitian naratif merupakan sebuah penelitian yang dijelaskan secara lisan antara peneliti dengan subjek penelitian. Penelitian kualitatif jenis ini mendapatkan data dengan cara survei langsung dan melakukan wawancara, percakapan, dan diskusi. Hasil olah data yang disurvei kemudian dijelaskan peneliti secara lisan tadi. Oleh itu, pemilihan naratif sebagai pendekatan kajian kerana dapat menyediakan maklumat yang terperinci dan kefahaman yang mendalam kepada penyelidik berkaitan dengan fenomena yang dikaji iaitu gengsterisme dalam kalangan masyarakat India.

Bagi mengumpul data kajian, pengkaji telah menjalankan temu bual mendalam sekurang-kurangnya dua kali bagi setiap informan. Tempoh masa temu bual bagi setiap informan sekitar dua jam. Sesi temu bual mendalam dilakukan di rumah bagi informan pertama dan di restoran (bilik khas) milik sendiri bagi informan kedua. Lokasi temu bual ini dipilih sendiri oleh informan yang diyakini mempunyai tahap keselamatan yang tinggi. Kedua-dua proses temu bual tersebut hanya melibatkan pengkaji dan informan sahaja tanpa kehadiran individu lain. Proses temu bual ini dilakukan secara sukarela dan pengkaji terlebih dahulu meminta izin daripada informan untuk merekodkan data kajian menggunakan perakam suara dan buku nota. Namun begitu, salah seorang informan ini menyatakan tidak mahu direkod. Oleh yang demikian, pengkaji mencatat data kajian di buku nota.

Selepas itu, penyelidik telah menggunakan analisis tematik bagi menganalisis dapatan kajian. Menurut Braun & Clark (2006), analisis tematik ialah satu kaedah yang digunakan dalam kajian untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengenal pasti tema-tema melalui data kualitatif. Data temu bual yang telah direkod dan dicatat perlu melalui proses transkrip secara *verbatim*. Penyelidik telah melakukan lima langkah yang disarankan oleh Braun & Clark (2006) iaitu, pertama; membiasakan diri dengan data, kedua; menjana kod-kod awal, ketiga; mencari dan memberi tema, keempat; mengulang kaji semula tema-tema yang telah diberikan, dan yang kelima ialah menamakan tema dan memberi definisi.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Profil Sosio Demografi Informan

Kajian ini telah melibatkan dua orang ketua kumpulan gengster kaum India yang telah lama terlibat dalam kegiatan gengster. Kedua-dua informan ini adalah lelaki dan telah berkahwin. Dalam kajian ini informan-informan yang terlibat diberi nama samaran iaitu, Mr.X dan Mr.Y bertujuan melindungi identiti sebenar mereka dan juga atas sebab keselamatan. Mereka telah lama terlibat dalam kumpulan gengster sekitar 41 tahun bagi Mr.X dan 35 tahun bagi Mr. Y. Selain itu, kedua-dua informan ini mempunyai tahap pendidikan sehingga di peringkat sekolah menengah.

Informan 1-Mr.X

Mr. X berumur 58 tahun berasal dari Puchong Selangor. Beliau merupakan anak kedua daripada lapan orang adik beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua anak. Beliau dibesarkan di kawasan setinggan di rumah papan yang hanya mempunyai tiga bilik. Beliau mendapat pendidikan sehingga tingkatan dua sahaja. Hal ini kerana beliau terpaksa mengambil alih perniagaan setelah bapanya meninggal dunia. Beliau mula menyertai kumpulan gengster pada usia 17 tahun. Pada awalnya beliau hanya mengetahui berkaitan kumpulan gengster daripada rakan-rakan yang telah lama menyertai kumpulan gengster iaitu, kumpulan

Merah (bukan nama sebenar). Sepanjang terlibat dalam dunia gengster beliau pernah ditangkap polis sebanyak tiga kali. Beliau juga pernah menjalani hukuman dibuang daerah selama sepuluh bulan. Walaupun telah pernah menjalani hukuman beliau masih terlibat dalam kegiatan gengster. Beliau berjaya mengrekut seramai 200 orang ahli baru untuk menyertai kumpulan. Beliau juga pernah memegang jawatan tertinggi dalam kumpulan Merah dikenal sebagai Bapak atau *Godfather*. Kini, beliau telah bersara tetapi masih memegang peranan sebagai penasihat kepada kumpulan gengster.

Informan 2-Mr. Y

Mr. Y berumur 51 tahun dan berasal dari Negeri Sembilan. Beliau telah berkahwin dan mempunyai dua orang anak. Beliau tinggal bersama nenek beliau sejak berumur dua tahun di kawasan estet getah setelah kematian bapa. Beliau mula berminat dengan gengsterisme setelah selalu mengikuti golongan dewasa bermesyuarat bersama kumpulan gengster. Beliau mula melibatkan diri dalam kumpulan gengster seawal usia 15 tahun. Beliau menubuhkan kumpulan Hitam (bukan nama sebenar) bersama rakan-rakan sekampung untuk tujuan menjaga kampung. Beliau terlibat dalam pergaduhan bersama rakan-rakan sehingga menyebabkan kematian. Oleh yang demikian, beliau mlarikan diri ke Kuala Lumpur. Selepas berada di Kuala Lumpur, kumpulan gengster beliau mula bergiat aktif dengan melakukan samun. Sepanjang terlibat dalam kumpulan gengster, beliau telah ditangkap polis sebanyak 15 kali. Beliau pernah dihukum buang daerah dan juga pernah menjalani hukuman di bawah akta SOSMA di Penjara Sungai Buloh. Sehingga kini beliau masih aktif dalam kumpulan Hitam dan berperanan sebagai ketua kumpulan.

Berdasarkan perkongsian pengalaman oleh kedua-dua informan, penyelidik telah menganalisis data kajian menggunakan analisis tematik. Penyelidik telah mengkategorikan dan menginterpretasi setiap data yang diberikan oleh informan sehingga beberapa tema dihasilkan berkaitan faktor penglibatan orang India dalam kumpulan gengster bagi menjawab tujuan kajian. Hasil kajian mendapat penglibatan orang India dalam kumpulan gengster berdasarkan empat tema iaitu, faktor pendapatan dan peluang pekerjaan, faktor pendidikan, faktor tempat tinggal dan faktor keluarga. Berdasarkan hasil kajian juga menunjukkan orang India yang berpendapatan rendah dan hidup miskin lebih cenderung terlibat dalam kumpulan gengster untuk mencapai kemewahan.

2. Faktor Penglibatan dalam Gengsterisme

Faktor Pendapatan dan Peluang Pekerjaan

Faktor pendapatan dan peluang pekerjaan menjadi faktor utama penglibatan orang India dalam gengsterisme. Hasil kajian menunjukkan orang India yang berpendapatan rendah dan hidup di dalam kemiskinan lebih cenderung terlibat dalam kumpulan gengster untuk mencapai kemewahan. Pendapatan yang tidak stabil dan peluang kerja yang terhad menyebabkan ramai orang India mudah terpengaruh untuk terlibat menyertai kumpulan gengster. Oleh itu, kebanyakan orang India mengambil jalan singkat untuk mencapai kemewahan dengan menyertai kumpulan gengster. Mereka mudah terpengaruh dengan gaya hidup mewah yang diperlihatkan oleh ahli kumpulan gengster. Terdapat ahli kumpulan gengster yang mempengaruhi pemikiran golongan remaja di bangku sekolah agar menyertai kumpulan gengster untuk mencapai kemewahan. Dalam hal ini, Mr.X mengatakan:

“...Ada, sekarang la mahu hidup mewah. Dia orang tengok pasal apa ini orang pakai kereta boleh pakai motor mana cari wang. Orang cakap eh buat ini macam ini macam boleh cari wang. Ini macam la sudah campur pergi. Ada aaa gengster sudah masuk cakap dari sekarang join kita you abis sekolah boleh join kita. Boleh cari wang. Duit banyak..ini gengster sudah brainwash. Tak, sekarang punya gengster semua mau cari makan, mau idup mewah tapi mahu kena kena keluar kerja tada...”

Mr.Y pula memberitahu keadaan persekitaran sosial yang menyebabkan ramai orang India terus berada dalam kemiskinan. Menurut Mr. Y, orang India sangat berbeza dengan orang Cina khususnya dari aspek kekayaan. Kebanyakan orang Cina mempunyai kekayaan yang boleh menjamin kehidupan dan masa depan anak-anak yang lebih baik. Selain itu, orang Melayu pula mendapat banyak keistimewaan sebagai kaum

majoriti di Malaysia seperti mudah mendapat pekerjaan dalam sektor kerajaan. Manakala, orang India yang menyertai kumpulan gengster India melakukan jenayah untuk mendapatkan modal bagi menjalankan sebuah perniagaan. Mr. Y memberitahu:

“...Kehidupan kita dikelilingi itu sekeliling kita akan buat kita jadi gengster..Bukan susah dapat tempat, kita susah dalam semua susah, takda duit, takda betul punya makan..Sebab keadaan, kita tak macam Cina. Cina mak bapak kaya dia boleh buat bisnes. Macam orang melayu dia tak da harta takpa janji dia ada kerja government. Kita takda macam tu maksud saya kat ladang, kita takda apa. Beli satu rumah 25 ribu pun mak bapak saya berapa susah tahu ambik duit EPF sikit. Tahun baru pergi sekolah mak mesti emas masuk pajak gadai dulu. Kita semua tak sama dengan orang Melayu atau Cina jadi kita ingat kita pun tak nak mak bapak kita susah. Kita takda duit nak buat bisnes. Cepat bikin kerja jahat, lepas tu buat bisnes ...persekitaran dan keadaan ekonomi keluarga yang buat kita jadi gengster. Semua orang ingat mcm tu, sekali bikin jenayah besar dapat juta-juta boleh stop bikin bisnes...”

Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Shankar et al. (2019), yang mana faktor utama penglibatan orang India adalah disebabkan oleh faktor kemiskinan. Hal ini kerana masyarakat India pada awalnya tinggal di estet atau perladangan. Namun begitu, orang India mula berhijrah dari estet ke kawasan setinggan bandar disebabkan oleh perpindahan daripada pekerjaan ladang dan guna semula tanah pertanian. Walaupun miskin dan tinggal di estet, orang India masih mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal. Selepas mereka berpindah ke kawasan bandar, mereka kehilangan pekerjaan dan terus hidup dalam kemiskinan dan dalam kebanyakan kes, mereka hidup dalam keadaan yang lebih teruk. Kajian oleh Junaidi (2021) mendapati MIC (Malaysian Indian Congress) mengabaikan hak masyarakat India untuk mendapat keistimewaan yang setimpal dengan situasi semasa dan sumbangan mereka dalam aspek ekonomi, sosial dan pendidikan. Masyarakat India adalah yang paling miskin berbanding dengan etnik lain kerana mereka mempunyai peluang pekerjaan paling sedikit berbanding etnik yang lain. Ramai dalam kalangan orang India memilih untuk berhenti bersekolah di usia muda untuk membantu menyara ahli keluarga disebabkan oleh masalah kemiskinan. Ini secara langsung memberi kesan kepada jenis pekerjaan dan kadar pendapatan yang mereka perolehi. Dalam lain perkataan, perubahan tempat tinggal dari kawasan ladang ke kawasan bandar tidak menjamin masyarakat India bebas daripada kitaran kemiskinan sehingga terdapat di antara mereka yang merasionalkan penglibatan dalam kumpulan samseng sebagai peluang pekerjaan dan mendapatkan lebih banyak pendapatan.

Pendidikan

Pendidikan merupakan elemen penting yang bertindak sebagai modal yang dapat membebaskan seseorang daripada kitaran kemiskinan. Misalnya, seorang kanak-kanak yang membesar dalam kemiskinan sering mengalami peluang pendidikan yang terbatas sehingga lebih berkemungkinan terbelenggu dalam kemiskinan pada masa dewasa. Kajian ini mendapati bahawa tahap pendidikan yang rendah telah mendorong orang India terjebak dalam gengsterisme. Hal ini kerana, kemiskinan yang dihadapi telah menyukarkan orang India mendapat peluang pendidikan yang lebih baik. Kedua-dua informan dalam kajian ini hanya mendapat pendidikan hingga peringkat sekolah menengah sahaja. Kedua-dua informan tidak mampu dan tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Mr. X memberitahu sekiranya beliau mendapat pendidikan dan pekerjaan yang baik, beliau tidak akan menyertai kumpulan gengster. Selanjutnya, Mr. X berkata:

“...bukan saya nak berenti, family semua masa tu kita ada bas sekolah. Masa tu bapak bawak bas sekolah, masa tu saya kelindan. Masa tu family pergi meeting panggil saya berhenti. Panggil saya jaga bas. Saya pun nak belajar, kalau saya cakap aaa masa tu kalau saya belajar saya boleh jadi lawyer. Itu lah orang ada peluang takda dapat tapi saya ada baca tapi takda dapat peluang..saya ingat dulu kalau saya kerja bagus saya tak jadi gengster...”

Selain itu, kajian mendapati sistem kuota yang ada dalam sistem pendidikan ketika itu (pada tahun 2002, Malaysia secara rasmi memperkenalkan sistem kemasukan berdasarkan meritokrasi ke universiti awam)

dianggap menyekat peluang orang India untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagai kaum minoriti di Malaysia, orang India dianggap kurang mendapat keistimewaan khususnya dalam pendidikan dibandingkan dengan kaum yang lain. MR.Y menjelaskan:

“ ... takda betul punya pendidikan .. tuan SPM dapat 3.5 pun kan boleh masuk u buat medicine kita dapat 3.95 pun tak boleh ambik medicine, bio sains boleh jangan maah aaaa..itu kuota. Kalau tanya pada ahli politik diaorang cakap untuk keselamatan negara untuk bumiputra. Diaorang cakap bumiputra kena jaga. Macam anak saya 3.95 pun tak boleh masuk u buat medicine, kena pergi swasta. Nanti diaorang cerita India Cina takda negarawan lah pergi belajar kerja luar negeri.

Kajian ini selaras dengan kajian oleh Roza Hazli et al. (2023) yang mendapati pendidikan merupakan penentu kepada penyertaan dalam sektor pekerjaan kolar putih dan ia menunjukkan kesan yang agak sama antara ketiga-tiga kumpulan etnik. Lulusan sekolah menengah dan tertiar meningkatkan kebarangkalian untuk menyertai pekerjaan kolar putih untuk ketiga-tiga kumpulan etnik. Etnik Melayu mempunyai peluang yang sangat besar untuk menyertai pekerjaan kolar putih sekiranya memiliki pendidikan tertiar, iaitu, sebanyak 34 kali ganda, manakala etnik Cina, 15 kali ganda dan 18 kali ganda bagi etnik India, relatif kepada mereka yang tidak mempunyai pendidikan formal. Melayu dan Cina luar bandar mempunyai peluang yang lebih rendah tetapi kesan stratifikasi geografi tidak relevan untuk etnik India. Tinggal di bandar yang besar meningkatkan peluang untuk etnik Melayu dan India, tetapi ianya tidak memberi kesan kepada etnik Cina (Roza Hazli et al., 2023). Sehubungan dengan itu, dapat dikatakan bahawa peluang pendidikan yang rendah menyebabkan peluang pekerjaan yang rendah dalam kalangan masyarakat India, sehingga mereka masih tersulam di dalam kitaran kemiskinan.

Tempat Tinggal

Proses pengasingan ruang sosial dan ketidaksamaan dalam pembangunan ruang menyebabkan terbentuknya 'advanced marginality' di kawasan bandar di seluruh dunia (Wacquant, 2008). Hubungan antara kawasan ini dipamerkan dalam pembangunan ekonomi 'kelabu' yang tidak formal, keadilan jalanan dan perlindungan wilayah yang keadaan susunan sosial tidak formal menyebabkan munculnya kumpulan gengster bagi memenuhi kekurangan tersebut. Berdasarkan teori Marginal, kemiskinan adalah punca utama kebangkitan kumpulan jalanan di seluruh dunia kontemporari. Orang miskin tinggal di kawasan yang lebih tidak maju bekerja dalam sektor pekerjaan bergaji paling rendah. Kekuatan tempat dan status dalam pembentukan kumpulan samseng tidak boleh diketepikan, kerana kedua-dua aspek ini menyumbang secara langsung kepada penjanaan samseng jalanan. Jarak sosial, peluang ekonomi terhad, bangunan dan jalan yang diabaikan hampir ada secara universal. Orang ramai bekerja dalam pekerjaan bergaji paling rendah, dengan akses terhad kepada kemudahan. Tempat dan status adalah asas kepada permulaan sektor sosial lain, yang semuanya berkisar pada kesukaran yang berkaitan dengan kemiskinan .

Kajian mendapati tempat tinggal yang didiami sebahagian masyarakat India turut menjadi faktor utama penglibatan orang India dalam kumpulan gengster. Hal ini kerana terdapat sesetengah kumpulan gengster dibentuk di kawasan tempat tinggal yang jauh dan terpencil seperti di estet. Tujuan awal penubuhan kumpulan gengster adalah untuk menjaga kampung. Solidariti antara penduduk yang tinggal di estet amat tinggi apabila bersama-sama berganding bahu untuk menjaga keselamatan kampung dan penduduk. Penglibatan golongan dewasa menyertai kumpulan gengster secara tidak langsung dapat menarik golongan muda. Kebanyakan belia yang menyertai kumpulan gengster kerana pengaruh daripada ibu bapa yang telah lama menyertai kumpulan gengster. Selain itu, belia turut berminat untuk menyertai kumpulan gengster sebagai wadah untuk mereka berinteraksi sesama penduduk selepas waktu persekolahan dan aktiviti-aktiviti yang lain seperti bermain bola. Tambahan pula, menetap di kawasan luar bandar menyebabkan mereka sukar mendapat kemudahan untuk mengisi masa lapang. Dalam hal ini, Mr. Y menjelaskan:

“...kita start gengster masa dalam estet. Masa tu takda group, kita sendiri-sendiri buat gengster. Kita jaga kampung.. Enviroment macam tu, semua orang tua pun xx jadi kita support xx.. Boleh join ini macam mana,

kita dekat estet sana, kita takda entainment lain. Kita pergi sekolah lepas tu main bola dalam itu kumpulan saja lah. Bila orang tua masuk meeting kita masuk lah. Dulu pergi pekan pun satu bulan sekali macam tu... ”

Selain estet, penempatan tempat tinggal seperti di kawasan setinggan, perumahan kos rendah dan perumahan rakyat (PPR) turut menjadi tempat utama penubuhan kumpulan pengster. Hal ini kerana kebanyakan penduduk yang tinggal di estet telah berpindah ke kawasan bandar dan menetap di kawasan setinggan. Namun demikian, penempatan di kawasan setinggan pula banyak menimbulkan masalah sosial. Oleh kerana itu, kerajaan telah menyediakan perumahan kos rendah dan perumahan rakyat untuk mengatasi masalah penempatan penduduk di kawasan setinggan. Walau bagaimanapun, penempatan penduduk di kawasan baru ini adalah mengikut kaum dan tidak bercampur dengan kaum yang lain. Mr. Y memberitahu:

“...environment..ini orang semua dulu estet mari punya orang, dulu estet takda sekolah. Dia campur dia masuk...Ada jugak la..Kebanyakannya yang tinggal rumah panjang, kos rendah dan dari setinggan itu semua pengster. Pasal dia orang tak pergi sekolah..Setinggan, rumah papan..Masa tu rumah 2 bilik, tiga bilik la tiga bilik..Tidak tada, itu satu kampung India, masa tu itu rumah aaa ada 300 lebih la. Saya tadi mahu cakap, rumah setinggan kos rendah semua saya sudah kaji pergi. Kita punya anak mahu rosak aaa tempat duduk la. Environment tengok macam mana kita punya tempat duduk...”

Mr. Y turut menyatakan penempatan orang India di PPR turut menyumbang kepada penglibatan penduduk dalam kumpulan pengster. Hal ini kerana kawasan perumahan tersebut tidak dikawal atau diselia dengan rapi. Malah terdapat dalam kalangan penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan. Beliau memberi tahu:

“...dulu India duduk setinggan, bila kerajaan ambik kawasan tu dan buat rumah, kerajaan biar macam tu saja. Sistem rumah macam tu. Parking pun takda rumah PPR. Peluang kerja pun takda. Dia orang tak tahu nak buat kerja apa. Diaorang membesar dengan cara macam tu. Boleh tengok tu diaorang punya perangai tu...”

Mr. Y turut menjelaskan bahawa

“...rumah PPR ni kebanyakannya yang dulu tinggal setinggan. Tinggal rumah panjang dia orang tinggal hanya komuniti bangsa dia. Bila kerajaan buat PPR pun satu floor semua India, satu floor semua Cina. Punca ini ada jugak...”

Hasil kajian berkaitan tempat tinggal adalah selari kajian oleh Wacquant (2008) yang menunjukkan bahawa involusi teras bandar Amerika selepas tahun 1960-an bukan disebabkan oleh kemunculan 'kelas bawah', tetapi disebabkan oleh penarikan bersama pasaran dan negeri yang dipupuk oleh orang ramai melalui dasar pemisahan etnik dan pengabaian di bandar. Lebih lanjut, proses pengasingan sosio-spatial dan ketidaksamaan telah bersatu dalam pembangunan ruang 'terpinggir termaju' di kawasan bandar di seluruh dunia (Wacquant 2008a). Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa segregasi penempatan penduduk mengikut etnik menyebabkan kumpulan sosial tertentu dipisahkan atau diasangkan oleh kumpulan yang lain. Situasi ini menyebabkan mereka hanya akan berinteraksi dan bergaul sesama sendiri secara tidak langsung menyukarkan proses integrasi antara etnik yang lain. Dalam konteks itu lah kumpulan pengster terbentuk sebagai alternatif dalam memenuhi keperluan hidup.

Keluarga

Kajian mendapati keluarga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penglibatan dalam kumpulan pengster. Pengaruh keluarga sangat besar kerana ia merupakan agen sosialisasi paling utama terhadap seseorang individu yang mana boleh membentuk tingkah laku sama ada berkelakuan baik atau sebaliknya. Sutherland (1947) berpendapat bahawa tingkah laku jenayah dipelajari, dan ia dipelajari dengan cara yang sama seperti mana-mana tingkah laku lain, seperti melalui komunikasi interpersonal dan interaksi sosial dalam kumpulan kecil (Matsueda, 2010). Apa yang dipelajari melalui proses sosialisasi bukan sahaja

teknik untuk melakukan jenis jenayah tertentu tetapi juga sikap dan motivasi yang mewajarkan dan menggalakkan jenayah. Walau bagaimanapun, pendedahan mudah kepada teknik, sikap dan motif jenayah tidak mencukupi untuk menyebabkan seseorang melakukan jenayah. Sebaliknya, jenayah berlaku apabila seseorang menerima definisi situasi yang dibesar-besarkan yang memihak kepada melanggar undang-undang dan bukannya definisi yang tidak menyokong melanggar undang-undang.

Berdasarkan pernyataan daripada informan, terdapat keluarga yang menyokong tindakan anak-anak terlibat dalam kumpulan gengster dan melakukan jenayah. Hal ini kerana keadaan kemiskinan yang dialami oleh keluarga dan sokongan keluarga menyebabkan golongan muda menyertai kumpulan gengster dengan melakukan jenayah kerana mudah untuk mendapat wang bagi menyara kehidupan. Ahli keluarga khususnya ibu bapa biasanya mempertahankan tindakan anak-anak mereka walaupun bertentangan dengan undang-undang, seperti menjual dadah. Mr. Y memberitahu: "...Ada-ada (menjual dadah). Kebanyakan di samping flat...". Selain itu, ada dalam kalangan ibu bapa yang juga terlibat dalam kumpulan gengster berbangga mempunyai anak yang turut sama terlibat dalam kumpulan gengster dan mempunyai pangkat yang tinggi. Dalam hal ini, Mr. X menjelaskan:

"...Ada wang, family dia miskin, anak jual dadah bulan-bulan dia dapat duit dia boleh hidup mewah. Dia kena back up la. Easy money coming..mak ayah yang bangga anak gengster..Dulu takda la, tapi sekarang kalau ayah gengster dia akan bangga kalau anak dia ada nama dalam gengster. Dia boleh cakap saya punya ada ada 20 orang budak la, sekarang punya bapak. Tapi ada pun buat apa mahu pergi jumpa anak mahu pergi mahkamah penjara lokap mahu pergi jumpa dia punya anak, buat apa? Saya punya anak saya macam ni, sampai saya punya jahat cukup la. Saya punya anak saya tak mahu bikin jahat..."

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat dikatakan bahawa pengaruh keluarga sangat memberi kesan kepada anak-anak kerana keluarga merupakan agen sosialisasi pertama bagi anak-anak. Keadaan tersebut selari dengan teori *Differential Association* oleh Sutherland (1947) yang menjelaskan bahawa individu akan mempelajari untuk menjadi seseorang yang tidak baik berdasarkan persekitaran. Teori *Differential Association* menjelaskan bahawa individu belajar nilai, sikap, teknik, dan motif untuk melakukan tingkah laku jenayah melalui interaksi mereka dengan orang lain. Dalam hal ini, Mr. X menegaskan bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam mencorakkan perilaku anak-anak. Anak-anak mudah meniru setiap perbuatan yang berlaku di sekeliling mereka contohnya meminum minuman keras dan memaki hamun. Selanjutnya Mr. X menjelaskan:

"...Kadang-kadang ha satu family lagi satu enviroment tengok dia duduk macam mana, dia campur orang macam mana. Saya macam ni tuan saya jahat aaaa sampai saya sudah cukup lah. Sampai saya punya anak saya tak mahu buat jahat ke apa. Anak kita campur macam mana punya orang. Selalu saya cakap minum, selalu saya pergi kedai dia punya anak bini duduk sekali minum suka maki pergi. Ini tak baik ini. Pergi makan tiba-tiba order beer minum, anak semua ada. Saya tengok pun macam segan tahu. Lepas you minum anak you akan buat perkara yang sama. You mau minum you selidung. Jangan depan anak."

Secara idealnya, keluarga perlu menjalankan fungsi dengan baik dan berkesan. Keluarga khususnya ibu bapa perlu menerapkan nilai moral yang baik kepada anak-anak supaya anak-anak tidak melakukan sebarang penyimpangan yang melanggar norma dan nilai sosial sesebuah masyarakat. Keluarga memainkan peranan penting untuk mengajar dan mengasuh anak-anak dengan norma dan nilai. Hormat, adil, belas kasihan dan tanggungjawab adalah sebahagian daripada norma yang ditiru daripada ahli keluarga dan juga disemai kepada kanak-kanak. Ilmu kehidupan yang mereka pelajari keluarga mereka terutamanya ibu bapa mereka, boleh menjamin gaya hidup anak-anak pada masa hadapan. Apabila ibu bapa gagal atau terlepas tanggungjawab terhadap perkembangan anak-anak, beginilah keadaannya yang menggalakkan anak-anak mereka untuk menyesuaikan gaya hidup yang akan membawa mereka kepada salah jalan kerana mereka tidak mempunyai bimbingan yang betul. Individu itu mudah dipengaruhi oleh ahli keluarga yang telah lama terlibat dalam gengster melalui gaya hidup 'samseng' dianggap sebagai positif, berkelakuan antisosial, atau terlibat dalam jenayah. Mempunyai ahli keluarga yang juga ahli gengster turut menyumbang kepada kesan yang

negatif dan memudaratkan individu melalui cara berfikir dan bertindak. Berdasarkan pengalamannya, Mr.X tidak mahu anak-anaknya turut sama terlibat dalam kumpulan gengster walaupun telah lama terlibat dalam kumpulan gengster. Beliau memberitahu,

“...dulu-dulu la sekarang saya selalu pun cakap saya punya kawan. Cukup la sampai kita, kita punya anak jangan kasi jahat la. Ada yang hantar anak pergi sekolah baik ada orang hantar anak pergi oversea pun ada. Selalu saya cakap saya punya anak aaa saya tak mahu back up saya punya anak. Kita masing-masing mahu kena jaga kita punya anak. Kita punya anak campur siapa. Kalau anak kita orang luar mari tegur anak kita buat jahat kita sebagai parent kena terima. Jangan back up anak, kalau back up satu hari dia tengok aaa dia akan buat lagi. Sebab bapak sudah back up. Kita punya anak sebelah aaa kita maki orang punya anak pun tak baik kadang-kadang. satu family bapak sudah taiko anak pun sama taiko. Bapak lagi cakap besar saya punya anak ada 10 budak ramai budak...”

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini mempunyai persaman dengan kajian oleh Veera Sundari Suppiah, Paramasivam Muthusamy & Ismi Arif Ismail (2021). Mereka mengkaji belia India yang sudah menjadi ahli kumpulan samseng dan mengamalkan gengsterisme. Kajian mereka menunjukkan bahawa keluarga mempunyai pengaruh langsung dan luar biasa untuk memulakan mereka ke dalam jenayah. Latar belakang zaman kanak-kanak dan keluarga mereka, hubungan keluarga semasa mereka, dan perkaitan antara latar belakang atau ciri keluarga menjadi faktor utama. Kegagalan untuk menyediakan komunikasi yang betul dan struktur keluarga yang konkrit sangat meningkatkan nisbah anak-anak muda yang terlibat dalam gengsterisme. Sehubungan dengan itu, dapat dikatakan bahawa penerimaan ke atas gengsterisme dapat berkembang merentas generasi disebabkan oleh satu set norma dan sikap budaya yang dikongsi dari satu generasi ke generasi yang lain. Dalam konteks ini, keanggotaan di dalam kumpulan gengster telah menjadi nilai yang diterima di dalam keluarga.

Kesimpulan

Kajian ini mempunyai limitasi kerana dapatan kajian ini tidak mewakili keseluruhan gengster India di Malaysia. Kajian ini hanya melibatkan ahli gengster India yang berada kawasan Lembah Klang sahaja. Sampel kajian yang terlibat juga kecil kerana berhadapan cabaran berkaitan ketidaksediaan ahli gengster India untuk berkongsi pengalaman kerana terikat dengan sumpah taat setia kumpulan. Penglibatan orang India dalam kumpulan gengster pada masa kini amat membimbangkan. Walaupun tujuan awal penubuhan kumpulan gengster hanyalah untuk menjaga keselamatan kampung tetapi pada masa sekarang telah berubah apabila lebih ramai ahli kumpulan gengster melakukan jenayah. Hasil kajian ini berjaya menunjukkan bahawa orang India yang terlibat dengan kumpulan gengster adalah terdiri daripada mereka yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan. Mereka berhadapan dengan isu peluang pekerjaan dan pendapatan yang rendah, mempunyai pendidikan yang rendah, tempat tinggal (kawasan setinggan dan estet) yang tidak kondusif dan mempunyai nilai dalam keluaraga yang menyokong penyertaan dalam kumpulan gengster. Walaupun tujuan kajian tercapai, tetapi perlu lebih banyak kajian berkaitan masalah penglibatan orang India dalam kegiatan gengsterisme dilakukan supaya fenomena ini dapat dikawal dan masyarakat India tidak merasakan hak mereka sebagai rakyat Malaysia diabaikan dan didiskriminasi. Kebanyakannya merasakan bahawa mereka tidak mendapat peluang yang sama rata berbanding etnik yang lain dan terpinggir daripada semua aspek. Terlibat dalam kumpulan gengster dan melakukan jenayah telah dianggap sebagai alternatif untuk mereka mencapai kemewahan. Justeru itu, perlunya pelbagai mekanisme atau program yang bersesuaian untuk dilaksanakan bagi membantu masyarakat India supaya mereka tidak dilabel dan dikaitkan dengan gengsterisme.

Penghargaan: Penghargaan kepada informan yang memberi maklumat dan kerjasama yang penting dalam penyelidikan ini. Penyelidik juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas bantuan mereka sepanjang penyelidikan.

Konflik Kepentingan: Dinyatakan bahawa tiada pertikaian kepentingan yang tercatat antara semua pihak yang turut serta dalam penyelidikan ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Kajian ini telah mendapatkan persetujuan termaklum daripada semua informan sebelum terus terlibat dalam kajian ini

Rujukan

- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Sage.
- Eames, E. & Goode, J. (1970). On Lewis' Culture of Poverty Concept. *Current Anthropology*, 11(4/5), 479-482.
- Jabatan Perdana Menteri. (2017). Pelan Tindakan Masyarakat India.
- Jeevan, M., & Samsudin, S. (2020). Gengsterism among Indian youth in Penang. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(2), 259-268. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v9-i2/7299>.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Perkembangan dan prestasi Malaysian Indian Congress (MIC) dalam geopolitik Malaysia. *E-Bangi. Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(3), 178-193.
- Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia (PDRM). (2017). Malaysia.
- Matsueda, R. L (2014). Sutherland, Edwin H.: Differential Association Theory and Differential Social Organization. In F.T. Cullen, & Wilcox. *Encyclopedia of Criminological Theory* (3-19). SAGE Publications, Inc. <http://dx.doi.org/10.4135/9781412959193.n250>.
- Marimuthu, S., Malayalam, N., & Sukadari. (2020). Sosioekonomi keluarga sebagai faktor pendorong gejala gengsterisme murid India Pendidikan Moral di sekolah menengah. *Mualim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(4), 60-78.
- Mohd Fuad Mat Jali., & Junaidi Awang Besar. (2012). Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 50-63.
- MnCube, V., & Madikizela-Madiya, N. (2014). Gengsterism as a cause of violence in South African Schools: The case of six provinces. *Journal Sociology and Social Anthropology*, 5(1), 43-50. <http://dx.doi.org/10.1080/09766634.2014.11885608>.
- Mohd Mizan Aslam & Gerald Kamalanathan Pillai. (2022). Mitigating crimes & securing national security using the national core values. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 117-147.
- Nataraja Moorthy, T., Aaron Inbaraj, D., & Mohamad Rahim, Kamaluddin. (2019). Exploring the profile of gengsterisme in Malaysia from the perspective of experts. *Journal of Forensic and Crime Studies*, 2(4), 1-8.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. (2017, Ogos 5). <https://consumer.org.my/ms/home-malay/>.
- Roza Hazli Zakaria, NurulHuda Mohd Satar, & Nur Annizah Ishak. (2023) Ketidakaksamaan di Malaysia: adakah dasar ekonomi berdasarkan-etnik relevan? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 57(1), 1-25.
- Th Subra, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah & Kala Devi. (2019). Family's socio-economic influence on the dropout of Indian students: A case study in the district of Kuala Muda Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77-91. <http://dx.doi.org/10.35631/IJMTSS.29007>.
- Shankar Durairaja, Geshina Ayu Mat Saat & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Exploring demography and sociological factors underlying decisions to join gangs among Indians. *Akademika*, 89(1), 33-43.
- Veera Sundari Suppiah, Paramasivam Muthusamy & Ismi Arif Ismail. (2021). Family Structure of The Malaysian Indian Youth Involved. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(19).
- Wacquant L. J. D. (2008) *Urban Outcasts: A Comparative Sociology of Advanced Marginality*. Polity Press.